



PARLIMEN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

JERAYAWARA PARLIMEN BELIA MALAYSIA SIRI KE-5 PERKENAL SISTEM PILIHAN RAYA BAHARU

PEKAN, PAHANG, 7 FEBRUARI - Parlimen Belia Malaysia menganjurkan Jerayawara Parlimen Belia Malaysia Siri Ke-5 pada 7 Februari 2026 bertempat di Rejimen 505, Pekan, Pahang sebagai platform rasmi memperkenalkan sistem Parlimen Belia yang baharu kepada peserta dan komuniti setempat.

Jerayawara ini merupakan sebahagian daripada jelajah nasional Parlimen Belia Malaysia yang telah dilaksanakan di beberapa institusi utama termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Batu Lintang, Sarawak. Siri jelajah ini menjadi usaha berterusan memperluas capaian pendidikan demokrasi belia di seluruh negara.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Rejimen 505 Pekan, Pahang bagi memberi pendedahan menyeluruh terhadap struktur simulasi baharu dalam sistem pilihan raya belia. Sehingga kini, sebanyak 12 parti belia telah berdaftar secara rasmi di bawah kerangka baharu Parlimen Belia Malaysia. Dalam tempoh dua bulan pelaksanaan program ini, seramai 6,517 ahli telah mendaftar, mencerminkan tahap penyertaan yang luar biasa dan minat tinggi generasi muda terhadap platform demokrasi belia yang tersusun.

Jerayawara ini turut menjadi medan interaktif memperkenalkan model pilihan raya belia yang ditambah baik, termasuk struktur organisasi, mekanisme pemilihan, serta kaedah penglibatan peserta secara digital dan berperingkat. Pendekatan baharu ini

menekankan pendidikan demokrasi praktikal, pembentukan kepimpinan muda, dan penyertaan aktif belia dalam proses membuat keputusan.

Senarai Parti Berdaftar Parlimen Belia Malaysia:

1. Parti Gabungan Suara Belia (GSB)
2. Parti Belia Sejahtera Malaysia (PRISMA)
3. Parti Generasi Progresif (PGP)
4. Parti Generasi Rakyat (GENERASI)
5. Parti Belia Demokratik Nasional (DemNas)
6. Parti Neo Demokratik (NeoDem)
7. Parti NADI (NADI)
8. Youth Democratic Reform Party (YDRP)
9. Parti Pemuda Pemudi Sabah (PPS)
10. Parti Gabungan Blok Borneo (GBB)
11. Parti Aspirasi Belia Sabah (PABS)
12. Parti Generasi Wawasan Malaysia (WAWASAN)

Penganjuran berterusan siri jerayawara ini mencerminkan komitmen Parlimen Belia Malaysia dalam membina ekosistem kepimpinan belia yang progresif serta sejajar dengan aspirasi pembangunan negara. Kerjasama strategik bersama Rejimen 505 turut memperkukuh nilai disiplin, patriotisme dan tanggungjawab sosial dalam kalangan peserta.

Selaras dengan aspirasi “Suara Belia, Suara Demokrasi”, Parlimen Belia Malaysia berharap siri jelajah ini menjadi pemangkin kepada generasi muda untuk lebih memahami sistem demokrasi dan seterusnya melahirkan barisan pemimpin masa depan yang berintegriti, berilmu dan berwawasan.

7 FEBRUARI 2026

SEKRETARIAT PARLIMEN BELIA MALAYSIA

PARLIMEN MALAYSIA